

# Pelan strategik bantu tingkat ekuiti bumiputera

UM-20/12/2006

KUALA LUMPUR 19 Dis. - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyusun pelbagai pelan strategik ke arah mencapai sasaran 30 peratus penguasaan ekuiti bumiputera dalam pelbagai bidang.

Timbalan Menteri, Datuk Khamsiyah Yeop berkata, kementerian itu juga telah merangka dasar bagi menambah bilangan usahawan bumiputera yang berdaya tahan dan mampu menerajui sesebuah sub sektor ekonomi semasa.

"Kita meletakkan sasaran untuk membudayakan sejumlah 1.5 juta bumiputera sebagai usahawan pelbagai bidang dengan tumpuan kepada pelajar, belia, siswazah dan wanita," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2007 bagi kementeriannya pada sidang Dewan Negara hari ini.

Selain itu katanya, kementerian juga berhasrat melahirkan 150,000 usahawan baru serta memantapkan 25,000 perusahaan sedia ada dan membangunkan 75,000 tenaga kerja profesional.

Ujarnya, penguasaan ekuiti bumiputera juga bakal dikembangkan dengan menggunakan koperasi sebagai saluran.

Menurutnya, sejumlah 600 koperasi sedia ada akan ditingkatkan keupayaan dan pada masa yang sama kementerian akan berusaha mewujudkan sekurang-kurangnya 800 koperasi baru.

Beliau menjelaskan, dasar-dasar seperti Dasar Tamat Penyeritaan diperkenalkan bagi melahirkan lebih ramai usahawan

bumiputera yang mampu berkari manakala program *Groom Big* pula membantu memperbaiki perniagaan bumiputera.

"Kerajaan juga sudah menyediakan pelbagai skim pembiayaan bagi membantu usahawan bumiputera memulakan perniagaan atau meluaskan operasi perniagaan mereka," katanya.

Katanya, sepanjang 2006, sejumlah 51,384 usahawan telah memperoleh kemudahan pembiayaan sama ada melalui Tekun, Mara atau Bank SME.

Menyentuh isu pengangkutan awam Khamsiyah berkata, kerajaan sudah menubuhkan Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam (TPPA) bagi memudahkan pengurusan pengangkutan awam sama ada individu atau syarikat membuat pinjaman bagi membeli kenderaan baru.

Pinjaman berkenaan katanya, akan disalurkan melalui Bank SME mulai tahun hadapan dengan peruntukan permulaan RM200 juta.

Beliau turut menjelaskan langkah kerajaan bagi menyelesaikan isu 'ulat' di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) terutama ketika Tahun Melawat Malaysia 2007.

Menurutnya, kementerian menyedari kehadiran ulat di KLIA dan usaha menghapuskan kegiatan haram itu dilakukan secara berterusan.

"Saya akui, 'ulat' atau teksi haram ini sukar dibendung sebab mereka guna pelbagai helah termasuk berpakaian kemas dan bertali leher tetapi kita tetap berusaha bendung kegiatan itu bagi menjaga imej negara," katanya.